
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

PGT 327 – Kaedah Mengajar Ekonomi II

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

Jawab **soalan 1** dan pilih **DUA (2)** soalan lain. Jika calon menjawab lebih daripada **TIGA (3)** soalan, hanya **TIGA (3)** soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

Soalan **WAJIB**.

- 1 (a) Bincang **LIMA (5)** matlamat khusus kurikulum Ekonomi Tingkatan VI Rendah dan Tingkatan VI Atas yang perlu guru fokuskan dalam pengajaran.
(15 markah)
- (b) Huraikan **LIMA (5)** tajuk dalam kurikulum Ekonomi yang perlu diajar oleh guru Ekonomi pada peringkat Tingkatan VI Rendah dan Tingkatan VI Atas dalam konteks kehidupan semasa dan pemilihan kerjaya.
(25 markah)

Pilih **DUA (2)** soalan lain.

- 2 a) Huraikan perbezaan pola kumpulan pelajar yang menggunakan kaedah pembelajaran koperatif dengan kumpulan pelajar yang menggunakan kaedah pembelajaran konvensional untuk mengajar tajuk keanjalan permintaan dan penawaran dalam mata pelajaran Ekonomi.
(15 markah)
- b) Jelaskan langkah-langkah kaedah koperatif "Pernomboran Kepala Bersama" (Numbered Heads Together) dan kaedah koperatif "Temuduga Tiga-Langkah" (Three-Step Interview) untuk mengajar satu tajuk pilihan dalam Makroekonomi.
(15 markah)
3. Bincangkan kesesuaian penggunaan Model komunikasi David Berlo (1960) dan Model komunikasi McCroskey (1971) dalam proses pengajaran dan pembelajaran 'Kos Pengeluaran' di bilik darjah.
(30 markah)
4. Kepelbagaian maklumat adalah sesuatu yang penting disampaikan kepada pelajar Ekonomi peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Huraikan maklumat-maklumat penting yang perlu didedahkan kepada pelajar semasa pengajaran "Pertumbuhan Ekonomi" berdasarkan kurikulum yang dilaksanakan mulai tahun 2003.
(30 markah)